

# **Gangguan Seksual: Peranan Parlimen dalam Penggubalan Undang-undang dan Polisi yang Relevan**

*Sexual Harassment:  
The Roles of Parliament in the Enactment  
of Law and Relevant Policy*

*Rozana Abdullah\**

## **Abstrak**

Gangguan seksual semakin diiktiraf sebagai satu pelanggaran ke atas hak asasi manusia kerana menafikan peluang wanita untuk mendapat kesamarataan dan kebebasan hidup seperti lelaki. Sekiranya tidak ditangani dengan berkesan, gangguan seksual akan menyumbang kepada kebejatan insaniah dalam setiap strata kehidupan – ekonomi, politik dan sistem sosial. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) menyatakan bahawa sehingga Jun 2020 sahaja, Mahkamah merekodkan sebanyak 131 kes gangguan seksual. Pada masa ini, mangsa gangguan seksual dilindungi mengikut peruntukan dalam pelbagai konteks perundangan kerana tiada undang-undang khusus bagi mengadili kes-kes gangguan seksual. Namun, undang-undang yang diguna pakai masih tidak cukup kukuh untuk memberi pengadilan sepenuhnya kepada mangsa. Penggubalan rang undang-undang gangguan seksual yang lebih holistik ialah satu keperluan yang perlu diutamakan pada masa ini. Dalam konteks ini, Parlimen ialah platform terbaik bagi Ahli-ahli Parlimen untuk menyemak dan mengimbangi peranan yang dimainkan kerajaan dalam usaha membendung jenayah gangguan seksual. Oleh itu, penulisan ini bertujuan menganalisis peranan yang dimainkan oleh Parlimen dalam memastikan rang undang-undang gangguan seksual dibentang, dilulus dan dilaksanakan. Data mengenai peranan Parlimen diperolehi melalui penganalisaan terhadap laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas dan kandungan perkakasan Mesyuarat

---

\* Rozana Abdullah is Research Officer at the Parliament of Malaysia.  
Email: [rozana@parlimen.gov.my](mailto:rozana@parlimen.gov.my)

Parlimen yang meliputi Aturan Urusan Mesyuarat, Usul dan Risalat yang diedarkan pada sesi Mesyuarat Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas (sehingga 3 Disember 2020) dengan memberi perhatian khusus kepada isu-isu gangguan seksual. Hasil kajian mendapati bahawa sehingga 3 Disember 2020, hanya 15.25% soalan berkaitan gangguan seksual dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara di sepanjang sesi mesyuarat berlangsung.

**Kata Kunci:** Gangguan Seksual, Mangsa, Parlimen, Ahli Parlimen, Rang Undang-undang Gangguan Seksual

### **Abstract**

*Sexual harassment is increasingly being recognised as a violation of human rights and undermines equality of opportunity between women and men. Failing to respond to sexual harassment cases adequately can impede human productivity in every stratum of life - economy, politics, and social system. Minister in the Prime Minister Office (Parliament and Law) stated, as of June 2020, the Court recorded 131 cases of sexual harassment. Currently, there are no specific laws tailored to address sexual harassment cases, and victims are protected by provisions under different types of law. However, most of the provisions offer limited redress for sexual harassment cases, making it difficult for victims to claim justice. Recognising these inadequacies, it is crucial for the Government to legislate a specific law that will provide conclusive justice for the victims. In this context, Parliament serves as a platform for Members of Parliament to scrutinise the Government and push for the enactment of a long-awaited Sexual Harassment Bill. Therefore, this paper aims to examine the roles of Parliament in ensuring that the sexual harassment bill is tabled, approved and executed. The Special Select Committee reports and content of Meeting tools such as Meeting Order Papers, Motions, and 'Risalat' distributed throughout the 3rd Session of the Fourteenth Parliament (as of 3 December 2020) were analysed to identify relevant data particularly on issues pertaining to sexual harassment. The study demonstrates that, as of 3 December 2020, only 15.25 % questions on sexual harassment were raised by Members of Parliament from the House of Representatives and House of Senate throughout the session.*

**Keywords:** Sexual Harassment, Victims, Parliament, Members of Parliament, Sexual Harassment Bill

## Pendahuluan

Isu-isu seksual atau seksualiti masih dianggap sebagai tabu dan tidak dibincangkan secara terbuka oleh sebilangan besar masyarakat Malaysia. Sesetengah individu akan berasa tidak senang apabila mendengar perkara berkaitan seksual dibincangkan secara terbuka. Malah ada juga yang beranggapan bahawa tidak sopan untuk menyebut waima perkataan seksual sekalipun. Tambahan pula sekiranya perkataan tersebut terlontar daripada mulut kanak-kanak. Seksual dari kaca mata masyarakat adalah terlalu awal untuk diungkapkan oleh kanak-kanak. Stigma masyarakat yang berfikiran begini menyebabkan kes-kes gangguan seksual adakalanya tidak dilaporkan secara terbuka. Malah ada yang menganggap isu ini tidak pernah wujud dan mengapa pula perlu menggubal sebuah undang-undang khusus bagi mengadili kes-kes berunsur gangguan seksual. Gangguan seksual boleh didefinisikan sebagai perlakuan yang kurang disenangi melalui kata-kata, isyarat, sentuhan, psikologi dan visual yang berunsur seks yang biasanya dilakukan berulang-ulang.<sup>1</sup> Persoalannya mengapa gangguan seksual tidak dilihat sebagai satu perbuatan jenayah? Walhal telah wujud beberapa kejadian yang membuktikan bahawa gangguan seksual ialah permulaan kepada perbuatan jenayah berat seperti rogol dan bunuh.<sup>2</sup>

Peningkatan kes-kes gangguan seksual di negara ini harus dilihat sebagai satu unsur yang boleh merencat pencapaian matlamat utama Wawasan Kemakmuran Bersama, iaitu untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.<sup>3</sup> Perlakuan tidak bermoral ini memberi pelbagai implikasi negatif terhadap pembangunan negara dalam konteks sosial, ekonomi dan politik. Menurut Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, Dr. Hazli Zakaria, trauma pada mangsa disebabkan gangguan seksual menjadi satu bentuk buli, penindasan, penderaan, dan ketidakadilan sepanjang hayat.<sup>4</sup> Tambahan pula, tekanan perasaan pasca trauma seperti mimpi buruk akibat teringat kejadian lampau menjadikan mereka lebih sensitif

---

1 Lihat <[http://www.mohr.gov.my/psikologi/pdf/APA\\_ITU\\_GANGGUAN\\_SEKSUAL.pdf](http://www.mohr.gov.my/psikologi/pdf/APA_ITU_GANGGUAN_SEKSUAL.pdf)> dicapai 18 Februari 2021.

2 Lihat <<http://www.sinarharian.com.my/article/22332/SIASAT/Jenayah-pedofiliamak-membimbangkan>> dicapai 13 Januari 2021.

3 Lihat <[http://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/ringkasan\\_wawasan\\_kemakmuran\\_bersama/mobile/index.html](http://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/ringkasan_wawasan_kemakmuran_bersama/mobile/index.html)> dicapai 7 Disember 2020.

4 Lihat <<http://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2020/03/666031/trauma-gangguan-seksual-masa-lampau-lebih-teruk>> dicapai 7 Disember 2020.

sehingga menyebabkan tekanan mental. Sekiranya kesihatan mental mereka tidak dirawat dan dibiarkan membarah dalam diri mangsa, maka akan lahirlah kelompok generasi yang lemah dari segi pemikiran dan daya tahan. Situasi ini pastinya akan merencat kecemerlangan modal insan serta pembangunan sistem sosial negara.

Dari sudut ekonomi, gejala gangguan seksual yang tidak terkawal boleh meruntun kedudukan ekonomi sesebuah organisasi dan melemahkan penyertaan wanita dalam pasaran kerja. Hal ini akan membantutkan hasrat kerajaan untuk mencapai 59% penyertaan wanita dalam pasaran kerja.<sup>5</sup> Penglibatan wanita dalam pasaran tenaga kerja adalah amat penting kerana hasil kajian oleh *Khazanah Research Institute* pada tahun 2018 menunjukkan bahawa pertambahan penyertaan sebanyak 30% wanita dalam pasaran buruh akan membantu mempertingkatkan GDP negara antara 7 hingga 12%.<sup>6</sup>

Kes antara *Mohd Ridzwan bin Abdul Razak v Asmah binti Hj Mohd Nor*<sup>7</sup> merupakan satu contoh dalam mentafsirkan impak yang dilalui oleh mangsa gangguan seksual di tempat kerja. Dalam kes ini, pelaku ialah Pengurus Besar di Bahagian Pengurusan Risiko, Lembaga Tabung Haji (LTH). Manakala mangsa ialah Pengurus Kanan di bawah seliaan pelaku. Berdasarkan laporan yang dikemukakan mangsa kepada Ketua Pegawai Eksekutif LTH, pelaku telah antara lain melakukan gangguan seksual terhadap mangsa menggunakan kata-kata lucu, jenaka kotor berunsur seksual, menggunakan kata-kata kasar dan kesat dalam e-mel serta beberapa kali memelawanya untuk dijadikan isteri kedua. Hasil daripada siasatan yang dilakukan oleh Jabatan Sumber Manusia LTH, pelaku telah diberikan amaran secara pentadbiran dan mangsa pula dipindahkan ke jabatan lain yang tiada kaitan dengan kepakaran beliau. Akibat berasa tidak puas hati dengan tindakan mangsa, pelaku telah memfailkan saman fitnah terhadap mangsa kerana membuat aduan tanpa bukti kukuh serta mengakibatkan kontrak kerjanya tidak diperbaharui. Antara tuntutan yang dikemukakan pelaku ialah (i) deklarasi bahawa dia tidak bersalah dalam menyebabkan gangguan seksual terhadap mangsa; (ii) permohonan maaf secara terbuka daripada mangsa;

---

5 Lihat <[http://www.kabinet.gov.my/bkpp/pdf/Kajian\\_separuh\\_penggal\\_RMK11.pdf](http://www.kabinet.gov.my/bkpp/pdf/Kajian_separuh_penggal_RMK11.pdf)> dicapai 7 Disember 2020.

6 Lihat <[http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan\\_Timb\\_MenteriII/Final%20Teks%20Ucapan%20YBM\\_Sambutan%20Hari%20Wanita%20dan%20Kemerdekaan\\_25%20Ogos%202020%20\(2\).pdf](http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan_Timb_MenteriII/Final%20Teks%20Ucapan%20YBM_Sambutan%20Hari%20Wanita%20dan%20Kemerdekaan_25%20Ogos%202020%20(2).pdf)> dicapai 7 Disember 2020.

7 [2016] CLJ JT (10).

(iii) mangsa hendaklah meminta LTH untuk mengeluarkan kenyataan bahawa pelaku tidak bersalah; dan (iv) perintah untuk LTH menarik balik amaran kasar secara pentadbiran dan semua rujukan tentangnya dalam rekod kerja pelaku di LTH.<sup>8</sup>

Mangsa kemudiannya memfailkan tuntutan balas dengan menyabitkan pelaku sebagai telah menyebabkan beliau mengalami tekanan emosi dan mental yang serius sehingga mengakibatkan trauma serta jatuh sakit. Mahkamah mendapati wujud bukti yang lebih daripada mencukupi untuk membuktikan pelaku telah membuat komen lucah berunsur seksual yang ditujukan secara langsung kepada mangsa atau ketika kehadiran mangsa. Mahkamah juga mendapati perbuatan gangguan seksual tersebut meninggalkan kesan yang sangat serius terhadap mangsa dan terangkum di bawah tort yang membawa kepada '*nervous shock*' seperti yang berlaku dalam kes *Wilkinson v Downtown*.<sup>9</sup> Malahan, kata-kata lucah berunsur seksual yang dikeluarkan pelaku ke atas mangsa dikategorikan sebagai gangguan seksual dalam bentuk lisan di bawah Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999. Mangsa akhirnya berjaya menuntut ganti rugi umum sebanyak RM100,000 dan RM20,000 sebagai ganti rugi teladan daripada pelaku.<sup>10</sup>

Walaupun kes yang terjadi antara *Mohd Ridzwan v Asmah*<sup>11</sup> ini berjaya memberi keadilan kepada mangsa, namun terdapat banyak lagi kes gangguan seksual yang tidak dapat diselesaikan kerana kesukaran untuk mengemukakan bukti (*beyond reasonable doubt*) yang kukuh. Menurut Jabatan Tenaga Kerja (JTK), daripada 98 kes yang direkodkan, hanya 89 kes berjaya diselesaikan, di mana sebanyak 57 kes didapati tiada bukti kukuh untuk membuat pertuduhan ke atas pelaku. Manakala selebihnya didapati bersalah dan mempunyai asas kukuh untuk dikenakan tindakan iaitu lapan orang dibuang kerja, empat orang digantung kerja, 17 orang diberi amaran, seorang diturunkan pangkat, dan dua orang ditukarkan ke tempat lain.<sup>12</sup>

8 Lihat <[http://www.digitalnewsasia.com/sites/default/files/files\\_upload/Mohd%20Ridzwan%20bin%20Abdul%20Razak%20v%20Asmah%20Binti%20Hj%20Mohd%20Nor%20CLJ\\_2015\\_4\\_295.pdf](http://www.digitalnewsasia.com/sites/default/files/files_upload/Mohd%20Ridzwan%20bin%20Abdul%20Razak%20v%20Asmah%20Binti%20Hj%20Mohd%20Nor%20CLJ_2015_4_295.pdf)> dicapai 27 November 2020.

9 P. Roycroft, 'Wilkinson v Downtown After Rhodes and Its Future Viability in New Zealand' <<http://www.nzlii.org/nz/journals/VUWLawRw/2017/5.pdf>> dicapai 7 Disember 2020.

10 H. Hashim, 'Saman gangguan seksual?' <<http://www.sinarharian.com.my/article/57923/KOLUMNIS/Saman-gangguan-seksual>> dicapai 7 Disember 2020.

11 [2015] 4 CLJ 295.

12 Pemerhatian di atas Cadangan Penggubalan Akta Gangguan Seksual, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Dalam jawapan bertulis kepada Ahli Parlimen Batu Kawan pada sesi Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas Dewan Rakyat, Dato' Takiyuddin Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) mengemukakan jumlah bilangan kes gangguan seksual dari tahun 2014 hingga Jun 2020 yang tiada tindakan lanjut (NFA), pelaku dituduh di mahkamah, pertuduhan ditarik balik, pelaku dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA), pelaku disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh dan pelaku mengaku salah dan dihukum seperti berikut:<sup>13</sup>

**Jadual 1.** Kes-kes Gangguan Seksual Mengikut Status

Tahun	NFA	Tuduh	Tarik Balik	DNAA	Sabit	Mengaku Salah	Jumlah
2014	14	47	6	7	21	7	102
2015	41	32	3	4	3	7	90
2016	50	54	3	3	11	23	144
2017	41	72	1	11	9	22	156
2018	32	61	3	4	7	17	124
2019	31	95	8	4	7	19	164
2020	31	88	7	0	2	3	131
<b>Jumlah</b>	<b>240</b>	<b>449</b>	<b>31</b>	<b>33</b>	<b>60</b>	<b>98</b>	<b>911</b>

*Sumber:* Parlimen Malaysia

Walaupun terdapat penurunan kes pada tahun 2015, namun jumlah kes gangguan seksual yang dilaporkan terus meningkat pada setiap tahun dari 2016 hingga 2019 kecuali tahun 2018 yang menunjukkan sedikit penurunan. Namun begitu, dalam keadaan negara bergelut menentang pandemik COVID-19 sehingga terpaksa mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac hingga 2 Mei 2020, dan diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat pada 4 Mei hingga 9 Jun 2020, jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 2020 adalah jauh lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya. Berdasarkan Jadual 1 di atas,

13 Pemberitahuan Pertanyaan Jawab Bukan Lisan, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas Dewan Rakyat, Soalan No. 190 <<https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/Telah%20dikemaskini%20pada%209%20September%202020.pdf>>.

jumlah laporan yang diterima sehingga Jun 2020 sahaja adalah sebanyak 131 kes. Statistik ini mencerminkan bahawa kes gangguan seksual boleh berlaku di mana-mana, pada bila-bila masa dan persekitaran, waima dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan. Statistik ini juga menunjukkan jumlah kes NFA dan pertuduhan ditarik balik adalah tinggi iaitu masing-masing berjumlah 240 dan 31 kes. Hal ini membuktikan bahawa terdapat keperluan yang mendesak untuk menggubal sebuah rang undang-undang (RUU) yang lengkap serta dapat memberi definisi gangguan seksual secara lebih inklusif agar dapat memberi hak dan perlindungan kepada mangsa dengan sepenuhnya.

Oleh itu, penulisan ini akan menganalisis peranan yang dimainkan oleh Parlimen dalam mengangkat isu-isu berkaitan kes gangguan seksual sehingga membawa kepada pembentangan sebuah rang undang-undang gangguan seksual. Data mengenai peranan Parlimen diperoleh melalui penganalisaan terhadap laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas dan kandungan perkakasan Mesyuarat Parlimen, meliputi Aturan Urusan Mesyuarat, Usul dan Risalat yang diedarkan pada sesi Mesyuarat Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas (sehingga 3 Disember 2020) dengan memberi perhatian khusus kepada isu-isu gangguan seksual.

## Sorotan literatur

Sifat dan kemampuan wanita yang ditafsirkan sebagai kurang berkeupayaan untuk mempertahankan diri menyebabkan wanita lebih terdedah untuk menjadi mangsa gangguan seksual. Rekod oleh Polis Diraja Malaysia mendapati sebanyak 1218 kes gangguan seksual dilaporkan dari tahun 2013 hingga 2017. Daripada jumlah ini, mangsa lelaki adalah hanya 257 orang sahaja dan selebihnya ialah wanita<sup>14</sup>. Statistik ini menunjukkan bahawa gangguan seksual bukan sahaja berlaku terhadap wanita, malahan turut menyasarkan kaum lelaki. Menurut Rohani Abdul Rahim, semua orang berkemungkinan mengalami gangguan seksual pada apa juga peringkat umur, bila-bila masa atau di mana-mana tempat dengan pelbagai cara melalui kata-kata, isyarat atau sentuhan.<sup>15</sup> Perbezaan tempat gangguan seperti di tempat kerja, di jalanan, di institusi pendidikan dan di tempat persendirian,

---

14 Lihat <<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-juga-boleh-jadi-mangsa-kepada-gangguan-seksual-214285>> dicapai 7 Disember 2020.

15 R.A. Rahim, 'Undang-undang Gangguan Seksual di Malaysia: Satu Analisa' (2011) 1 *Current Law Journal* 1.



mempengaruhi kekerapan dan jenis gangguan yang cenderung dilakukan oleh pengganggu.<sup>16</sup>

Namun, kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu kepada kes-kes gangguan seksual yang terjadi di tempat kerja seperti kajian ke atas kes antara *Mohd Ridzwan v Asmah* oleh Jashpal Kaur.<sup>17</sup> Kes ini mempamerkan sikap tidak bertanggungjawab pelaku sebagai ketua jabatan terhadap kakitangan bawahannya. Di samping itu, hasil tinjauan oleh Vase.ai dan Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) ke atas 1,010 wanita di Malaysia mendapati 62% daripada wanita yang ditinjau mengatakan bahawa mereka pernah mengalami satu atau pelbagai bentuk gangguan seksual di tempat kerja.<sup>18</sup> Manakala kajian yang dijalankan oleh Ishak dan lain-lain mendapati tingkah laku gangguan seksual yang paling kerap dilakukan di tempat kerja adalah menjanjikan ganjaran jika mangsa memberi kerjasama terhadap perbuatan berunsur seks.<sup>19</sup> Hal ini bersamaan dengan kes yang berlaku terhadap pelajar pelatih perubatan di sebuah hospital perubatan awam di Lembah Klang. Dalam paparan bertajuk '*A sex predator is in the house*', seorang Ketua Jabatan dilaporkan telah menyalahguna kuasa apabila cuba membuka butang baju dan mencium pegawai perubatan siswazah di bawah seliaannya ketika melakukan perbincangan mengenai urusan kerja.<sup>20</sup> Malahan Ketua Jabatan tersebut turut mengugut untuk menggagalkan ujian bagi komponen bukan akademik sekiranya pegawai perubatan berkenaan enggan menuruti kemahuannya. Insiden ini telah menimbulkan pelbagai polemik dalam kalangan masyarakat kerana perbuatan Ketua Jabatan tersebut sangat bertentangan dengan etika dan amalan kedokteran. Perkara ini bukan sahaja mencalar imej golongan profesional dan disifatkan sebagai sangat tidak beretika, malah boleh dikenakan tindakan penahanan kerja bagi maksud penyiasatan seperti yang digariskan dalam Perkara 43,

---

16 J.E. Gruber, 'A Typology of Personal and Environmental Sexual Harassment: Research and Policy Implications for the 1990s' (1992) 26 *Sex Roles* 447.

17 J.K. Bhatt, 'Commentary: Landmark Award of Compensatory Damages for Sexual Harassment at the Workplace – Harrassers and Employers Beware!' (2016) 3 *ILR* ix.

18 Lihat <<http://wao.org.my/pengalaman-dan-persepsi-wanita-terhadap-gangguan-seksual-menandakan-keperluan-yang-mendesak-untuk-penggubalan-akta-gangguan-seksual/>> dicapai 18 Februari 2021.

19 I.M. Shah dan lain-lain, 'Gangguan Seksual di Tempat Kerja: Kajian ke atas Mangsa dan Pelaku di Sekitar Johor Bahru, Johor' (2004) <<http://eprints.utm.my/id/eprint/2702/1/71958.pdf>> dicapai 18 Februari 2021.

20 Lihat <<http://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/29/a-sex-predator-is-in-the-house-housemen-relate-horror-stories-of-seniors-who-abuse-position>> dicapai 7 Disember 2020.



Perintah-Perintah Am Kerajaan (Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993). Malahan kes-kes gangguan seksual turut dilaporkan giat berlaku dalam kalangan pengamal perundangan wanita di negara ini.<sup>21</sup>

Kebanyakan kes gangguan seksual dilaporkan berlaku di luar waktu bekerja iaitu ketika mereka menyertai program-program perjumpaan sosial. Namun begitu, kebanyakan mangsa kes gangguan seksual berasa malu untuk membuat laporan menyebabkan tiada rekod yang tepat untuk membuktikan jumlah sebenar mangsa gangguan seksual terutamanya yang melibatkan golongan lelaki. Berdasarkan kajian oleh Pertubuhan Perikatan Wanita Antarabangsa (Wafiq), Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA) serta USIM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar, lebih daripada separuh mangsa (57.1%) tidak mengemukakan aduan rasmi, dengan alasan mereka tidak berfikir apa-apa tindakan akan diambil (46.7%), mereka tidak tahu bagaimana untuk membuat aduan (13.3%), mereka takut akan implikasi (13.3%), mereka berasa malu (11.1%) dan minoriti mereka menganggap bahawa tindakan sedemikian tidak penting (4.4%).<sup>22</sup> Sekiranya pekerja lelaki yang mengalami gangguan seksual, perasaan malu untuk membuat laporan akan lebih berganda kerana kekuatan yang ada pada lelaki akan ditertawa dan dipertikaikan oleh rakan-rakan sekerja.<sup>23</sup> Mungkin ramai yang beranggapan, dengan kekuatan dan kegagahan lelaki, mereka mampu menepis sebarang perbuatan berbentuk gangguan seksual. Namun kajian oleh Azura dan Ahmad mendapati daripada 387 responden yang ditinjau, terdapat seramai 37 orang wanita dan 14 orang lelaki pernah mengalami gangguan seksual, manakala selebihnya tidak pernah mengalami gangguan seksual.<sup>24</sup>

Oleh yang demikian, Malaysia sememangnya sangat memerlukan penggubalan sebuah undang-undang khusus yang dapat memberi

---

21 Lihat <<http://www.malaysiakini.com/news/482319>> dicapai 7 Disember 2020.

22 Lihat <<http://wafiq.my/2018/12/26/jangan-biarkan-penyerang-seksual-terlepas>> dicapai 7 Disember 2020.

23 Lihat <<http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/68997/1/Gangguan%20seksual%20merentasi%20gender%20dan%20status.pdf>> dicapai 18 Februari 2021.

24 A. Hamdan dan A.I.F.C.A. Rahim, 'Persepsi Kefahaman Pekerja Berhubung Gangguan Seks di Tempat Kerja' (2010) 5 *Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia* <[http://www.researchgate.net/publication/323833895\\_Persepsi\\_Kefahaman\\_Pekerja\\_Berhubung\\_Gangguan\\_Seksual\\_Di\\_Tempat\\_Kerja](http://www.researchgate.net/publication/323833895_Persepsi_Kefahaman_Pekerja_Berhubung_Gangguan_Seksual_Di_Tempat_Kerja)> dicapai 18 Februari 2021.

perlindungan secara holistik kepada mangsa gangguan seksual. Suatu undang-undang yang bersifat mencegah wajar diwujudkan bagi membolehkan orang awam bergerak bebas di mana-mana juga tidak kira sama ada di tempat kerja, di institusi pengajian tinggi, di tempat persendirian atau di jalanan bagi menjalankan urusan seharian mereka.<sup>25</sup> Penggubalan sebuah rang undang-undang gangguan seksual ialah satu keperluan yang mendesak memandangkan negara-negara lain telah sekian lama mempunyai undang-undang khusus untuk menangani kes-kes gangguan seksual. Sebagai contoh, India telah memperkenalkan *Sexual Harassment of Women at Workplace (Prevention, Prohibition and Redressal) Act, 2013* iaitu 'an Act to provide protection against sexual harassment of women at workplace and for the prevention and redressal of complaints of sexual harassment and for matters connected therewith or incidental thereto'.<sup>26</sup>

Dalam konteks ini, Ahli-ahli Parlimen hendaklah menggunakan lantai perbahasan Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menggesa dan mempengaruhi kerajaan, terutamanya jemaah Menteri agar rang undang-undang gangguan seksual dibentangkan di Parlimen pada kadar segera. Shamrahayu menyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen ialah legislatif yang bukan sahaja membuat undang-undang bagi rakyat di kawasan pilihan raya mereka, tetapi mereka menggubal undang-undang bagi keseluruhan negeri (bagi Dewan Undangan) atau negara (bagi ahli Dewan Parlimen).<sup>27</sup> Malahan, peranan legislatif bukanlah semata-mata menggubal undang-undang, tetapi memantau pelaksanaan undang-undang dan kesan undang-undang yang digubal.<sup>28</sup>

Relevan dengan kehendak zaman, Parlimen harus berfungsi sebagai 'role model' kepada usaha-usaha untuk mempromosikan persekitaran yang sensitif terhadap gender.<sup>29</sup> Seajar dengan gelombang yang dibawa Kempen #MeToo, Parlimen Kanada memperkenalkan polisi yang menetapkan setiap Ahli Parlimen dan kakitangannya untuk

---

25 *ibid.*

26 S.B. Shekar, 'Documents of Constitutional and Parliamentary Interest' (2013) 3 *The Journal of Parliamentary Information* 250.

27 S.A. Aziz, 'Peranan Ahli Parlimen dan Sifat Ketertinggian Perlembagaan' <<http://www.ikim.gov.my/index.php/2015/10/05/peranan-ahli-parlimen-dan-sifat-ketertinggian-perlembagaan/>> dicapai 7 Disember 2020.

28 S.A. Aziz, 'Peranan Wakil Rakyat' <<http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2015/06/23/peranan-wakil-rakyat/>> dicapai 7 Disember 2020.

29 T. Verge, 'Too Few, Too Little: Parliaments' Response to Sexism and Sexual Harassment' (2020) 0 *Parliamentary Affairs* 1.

menjalani latihan mengenai aspek-aspek gangguan seksual.<sup>30</sup> Jelas sekali, Parlimen ialah landasan terbaik untuk Ahli-ahli Parlimen menyuarakan dan memperjuangkan permasalahan rakyat. Tamsilnya, pentas siasah politik United Kingdom bersepakat menyokong soalan tergepar yang dikemukakan Harriet Harman, Ahli Parlimen Camberwell dan Peckham (*Mother of the House of Commons*) yang mahukan Andrea Leadsom (*Leader of the House of Commons*) mengemukakan pelan perancangan beliau bagi menangani isu gangguan seksual di Parlimen United Kingdom.<sup>31</sup> Dalam membahaskan isu-isu rakyat, setiap Ahli Parlimen terikat dengan peraturan bertulis yang ditetapkan dalam 'Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat' (secara ringkasnya disebut Peraturan Mesyuarat). Peraturan Mesyuarat menggariskan mekanisme untuk menyemak tindakan badan eksekutif seperti pertanyaan parlimen, usul, rang undang-undang dan jawatankuasa pilihan Dewan.<sup>32</sup> Di persada politik antarabangsa, *Inter-Parliamentary Union* mencadangkan agar Kaukus Wanita-wanita Parlimen atau jawatankuasa mengenai kesamarataan gender memainkan peranan sebagai mekanisme kawalan yang efektif dalam menangani jenayah gangguan seksual.<sup>33</sup>

Jika ditelusuri, sememangnya terdapat pelbagai kajian mengenai gangguan seksual dibuat oleh para akademia dan inteligensia. Antaranya ialah kajian mengenai gangguan seksual dalam kalangan pekerja wanita sektor industri di Johor Bahru<sup>34</sup> dan kajian mengenai persepsi kefahaman pekerja berhubung gangguan seksual di tempat kerja.<sup>35</sup> Namun, dalam konteks negara ini, belum terdapat sebarang kajian yang secara spesifiknya menyentuh mengenai peranan yang dimainkan oleh Parlimen dalam menangani isu ini. Oleh itu, penulisan ini menggabungkan pelbagai mekanisme kawalan yang diguna pakai

---

30 M.L. Krook, 'Westminster Too: On Sexual Harassment in British Politics' (2018) 89(1) *The Political Quarterly* 65.

31 *ibid.*

32 N.M.B. Mydin dan J.S. Sabaruddin, 'Pertanyaan Parlimen: Suatu Analisa Mengenai Pematuhan Peraturan Mesyuarat Oleh Ahli Parlimen' (2018) *Current Law Journal* 1.

33 IPU, 'Guidelines for the elimination of sexism, harassment and violence against women in parliament' <<http://www.ipu.org/resources/publications/reference/2019-11/guidelines-elimination-sexism-harassment-and-violence-against-women-in-parliament>> dicapai 7 Disember 2020.

34 A. Yahaya dan Y. Boon, 'Gangguan Seksual di Kalangan Pekerja Wanita Sektor Industri di Johor Bahru: Sejauh Manakah Kebenarannya' (Seminar Kaunseling Industri, UTM Skudai, Oktober 2001) <<http://core.ac.uk/download/pdf/11785793.pdf>> dicapai 18 Februari 2021.

35 *ibid.*

Parlimen Malaysia untuk mengenal pasti sejauh mana isu-isu gangguan seksual diangkat dan diperbahaskan oleh Ahli-ahli Parlimen. Antara mekanisme kawalan yang diberi fokus ialah peranan yang dimainkan Jawatankuasa Pilihan Khas, kandungan perkakasan Mesyuarat Parlimen seperti Aturan Urusan Mesyuarat, Usul dan Risalat yang diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen. Penulisan ini diharapkan dapat mencetus pemikiran baharu dalam kalangan masyarakat konvensional dan menarik lebih ramai Ahli Parlimen untuk membahaskan isu-isu gangguan seksual sehingga pembentangan rang undang-undang gangguan seksual direalisasikan.

### **Kerangka perundangan berkaitan gangguan seksual di Malaysia**

Malaysia masih belum mempunyai peruntukan undang-undang yang khusus bagi menangani kes-kes berkaitan gangguan seksual. Malahan takrifan gangguan seksual juga tidak disebut dalam mana-mana akta yang digunakan. Berdasarkan Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (1999) yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM), gangguan seksual diiktiraf sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal.<sup>36</sup>

- i. yang atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaannya; atau
- ii. yang atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya.

Bersandarkan takrifan ini, KSM mengkategorikan gangguan seksual kepada dua jenis, iaitu:

- i. Gangguan seksual berbentuk ugutan iaitu perbuatan yang memberi kesan secara langsung kepada status pekerjaan seseorang seperti perbuatan mengugut pekerja bawahan untuk memberi layanan seksual kepadanya.

---

36 Lihat <<http://www.wccpenang.org/01important/laws/Kod-Amalan-Untuk-Mencegah-dan-Membasmi-Gangguan-Seksual-di-Tempat-Kerja.pdf>> dicapai 17 September 2020.

- ii. Gangguan seksual berbentuk ancaman terhadap ketenteraman peribadi iaitu tingkah laku seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pekerjaan.

Kerangka undang-undang utama yang wajib dikupas ialah Perkara 8(1) dan (2) dalam Perlembagaan Persekutuan<sup>37</sup> yang melarang amalan diskriminasi berdasarkan agama, kaum, keturunan, tempat lahir atau jantina seseorang. Jelas sekali, peruntukan ini memberi hak kesamarataan dan kebebasan kepada setiap warganegara menurut perspektif undang-undang. Justeru, perlakuan gangguan seksual boleh dianggap sebagai satu bentuk diskriminasi dan telah melanggar hak asasi manusia kerana menyekat kehidupan manusia untuk bergerak dengan bebas, baik di tempat awam mahupun tempat kerja. Layanan yang berbeza terhadap seseorang berdasarkan jantina dan kuasa, atau keinginan mendapatkan imbuhan seksual ialah satu bentuk diskriminasi kerana perbuatan ini menafikan hak individu lain untuk mencapai kesamarataan. Sekaligus, perbuatan ini menutup peluang individu lain untuk mencapai kejayaan dan bertentangan dengan Perkara 8 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, Artikel 4(c) *Declaration on the Elimination of Violence Against Women* menekankan untuk 'melaksanakan usaha wajar (due diligence) untuk menghalang, menyiasat, dan mengikut perundangan negara, menghukum tindakan keganasan terhadap wanita, sama ada tindakan tersebut dilakukan oleh kerajaan atau orang persendirian'.<sup>38</sup> Lazimnya, mangsa gangguan seksual boleh mendapatkan keadilan daripada Mahkamah mengikut konteks dan jenis perlakuan gangguan seksual yang dihadapi. Dalam hal ini, kes-kes gangguan seksual yang diklasifikasikan sebagai berunsur jenayah boleh dirujuk mengikut peruntukan di bawah Kanun Keseksaan.<sup>39</sup> Namun begitu, Kanun Keseksaan hanya memperuntukkan elemen-elemen gangguan seksual seperti mengucapkan kata-kata, membuat bunyi, atau isyarat, mempamerkan objek yang bersifat lucah dan seksual yang boleh

---

37 Lihat <[http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Perlembagaan%20Persekutuan%20\(Cetakan%20Semula%202020\).pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Perlembagaan%20Persekutuan%20(Cetakan%20Semula%202020).pdf)> dicapai 18 Disember 2020.

38 M. Saari, *Hak Asasi Manusia dan Persoalan Budaya* (Kuala Lumpur, Ilham Books, 2019) 122.

39 Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2014 <[http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20141230\\_A1471\\_BM\\_Act%20A1471.pdf](http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20141230_A1471_BM_Act%20A1471.pdf)> dicapai 18 Disember 2020.

ditakrifkan sebagai perlakuan gangguan seksual kerana melibatkan pencerobohan atau cubaan untuk menceroboh tubuh badan seseorang.<sup>40</sup> Selaras dengan peruntukan ini, seorang pakar psikiatri telah dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan kerana menghantar pelbagai mesej lucah melalui aplikasi *WhatsApp* kepada bekas pesakitnya di Hospital Thomson, Kota Damansara.<sup>41</sup> Antara mesej yang dihantar pakar psikiatri tersebut berbunyi 'seks adalah baik, dia melakukan banyak hubungan seks, dan setiap orang harus menikmati seks'.

Manakala Seksyen 354 pula menyentuh mengenai perlakuan berunsur serangan, paksaan jenayah, dengan niat dan pengetahuan mahu mencabul kehormatan mangsa. Selain itu, unsur-unsur jenayah lain seperti liwat, rogol, mencabul kehormatan dan lain-lain perbuatan yang disifatkan sebagai satu cubaan untuk menceroboh tubuh badan seseorang turut dikategorikan sebagai jenayah. Walau bagaimanapun, sebagai undang-undang jenayah, peruntukan yang diguna pakai dalam Kanun Keseksaan hanyalah bersifat menghukum dan mencegah. Justeru, peruntukan di bawah Kanun Keseksaan masih belum dapat memberi keadilan sepenuhnya kepada mangsa kerana lebih cenderung kepada gangguan berbentuk fizikal iaitu serangan yang menggunakan kekerasan dengan tujuan hendak mencabul atau merogol.

Bagi individu yang beragama Islam dan tinggal di Wilayah Persekutuan, Seksyen 29 dalam Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997<sup>42</sup> memperuntukkan bahawa sebarang perlakuan yang tidak sopan dan bertentangan dengan undang-undang Islam boleh disabitkan dengan denda sebanyak RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Seksyen 35 pula memperuntukkan seseorang yang menggalakkan, memaksa atau meminta seseorang untuk terlibat dengan sesuatu jenayah (seksual) boleh didapati bersalah dan disabit dengan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>43</sup> Caj hukuman yang rendah dan tidak setimpal dengan kesan trauma yang ditanggung mangsa memperlihatkan

---

40 Rahim (n 13).

41 Lihat <<http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2019/07/25/persatuan-doktor-gesa-tindakan-terhadap-perunding-psikiatri-ganggu-mangsa-rogol/>> dicapai 19 Februari 2021.

42 Lihat <[http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20560%20-%20Akta%20Prosedur%20Jenayah%20Syariah%20\(Wilayah-Wilayah%20Persekutuan\)%201997.pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20560%20-%20Akta%20Prosedur%20Jenayah%20Syariah%20(Wilayah-Wilayah%20Persekutuan)%201997.pdf)> dicapai 18 Disember 2020.

43 *ibid.*

kegagalan undang-undang ini untuk memberi keadilan kepada mangsa gangguan seksual. Malah, undang-undang ini hanya terpakai kepada orang-orang Islam sahaja kerana Perkara 121(A) dalam Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan Mahkamah Tinggi dan mana-mana mahkamah di bawahnya campur tangan dalam urusan kes-kes yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Terdapat beberapa undang-undang yang boleh diguna pakai untuk menangani kes-kes sivil seperti Akta Perhubungan Perusahaan 1967,<sup>44</sup> Akta Kerja 1955,<sup>45</sup> Peraturan Pegawai Am (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994<sup>46</sup> dan undang-undang tort. Namun begitu, pemakaian undang-undang ini perlu melihat kepada konteks di mana kesalahan itu dilakukan. Sekiranya gangguan seksual tersebut dilakukan oleh penjawat awam dan di mana-mana kementerian atau agensi kerajaan, pemangsa boleh didakwa mengikut Peraturan 4A Peraturan Pegawai Am (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang memperuntukkan seperti berikut:<sup>47</sup>

1. Seseorang pegawai tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain, iaitu seseorang pegawai tidak boleh:
  - i. membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, atau meminta layanan seksual daripada orang itu; atau
  - ii. melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual berhubung dengan orang lain, dalam keadaan yang setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.
2. Sebutan dalam subperaturan (1) tentang perlakuan sesuatu perbuatan yang bersifat seksual kepada orang lain:
  - i. termasuklah perbuatan sesuatu pernyataan yang bersifat seksual kepada, atau di hadapan, orang lain itu sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan, bertulis atau dengan apa-apa lain; dan

44 Lihat <[http://www.mp.gov.my/acts/Industrial\\_Relations\\_Act\\_1967\\_As\\_At\\_1\\_October\\_2015.pdf](http://www.mp.gov.my/acts/Industrial_Relations_Act_1967_As_At_1_October_2015.pdf)> dicapai 5 Disember 2020.

45 Lihat <<http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/EN/Act%20265%20-%20Employment%20Act%201955.pdf>> dicapai 5 Disember 2020.

46 Lihat <<http://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/akta/3773-akta-keselamatan-dan-kesihatan-pekerjaan-1994-akta-514/file>> dicapai 5 Disember 2020.

47 Lihat <<http://docs.jpa.gov.my/docs/pu/pua395.pdf>> dicapai 5 Disember 2020.



- ii. tidak terhad kepada perlakuan perbuatan itu di tempat kerja atau dalam waktu kerja sahaja selagi perlakuan itu memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.

Jelas sekali, peraturan ini melarang penjawat awam daripada melakukan gangguan seksual terhadap seseorang, sama ada dalam bentuk ugutan, pujukan atau permintaan yang dianggap menyinggung dan menghina individu yang lain. Dalam peraturan ini, gangguan seksual dirujuk sebagai melakukan pernyataan bersifat seksual (secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain) semasa berada di tempat kerja atau waktu kerja yang menimbulkan keburukan dan mencemarkan perkhidmatan awam. Walaupun Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja yang dikeluarkan KSM dirangka bertujuan meminimumkan kes gangguan seksual, namun Kod ini hanya berkisar mengenai garis panduan penubuhan serta pelaksanaan mekanisme dalaman sahaja. Kod amalan ini bukan sahaja tidak memberi sebarang impak perundangan, malahan tidak menggariskan bentuk hukuman yang patut dikenakan kepada pelaku. Hal ini memungkinkan kes-kes gangguan seksual di tempat kerja diselesaikan di peringkat dalaman sahaja. Malahan, pemakaiannya dikhususkan kepada sektor swasta sahaja.

Seterusnya, Seksyen 13 dan 14 dalam Akta Hubungan Perusahaan 1967 memperuntukkan prosedur untuk memasukkan polisi berkaitan gangguan seksual dalam Perjanjian Kolektif yang dibuat antara Ketua-Ketua Kesatuan Sekerja dengan majikan sebagai kontrak perkhidmatan. Dalam usaha melindungi pekerja secara inklusif, kerajaan telah menggubal Akta Kerja 1955 untuk mengawal selia hubungan antara majikan dan pekerja serta membentuk hubungan dan persekitaran kerja yang harmoni. Namun begitu, Seksyen 14(3) dalam Akta Kerja 1955 dilihat tidak menyediakan peruntukan yang kukuh untuk melindungi mangsa daripada perlakuan gangguan seksual di tempat kerja. Hal ini adalah kerana Akta ini hanya mengambil kira perlakuan bahaya yang melibatkan kekerasan fizikal sahaja sedangkan gangguan seksual turut melibatkan perlakuan yang mempamerkan objek lucah atau menggunakan kata-kata lucah. Walakin begitu, Akta ini membolehkan majikan didakwa sebagai telah melanggar kontrak sekiranya gagal menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif. Bahkan, pekerja berhak untuk menuntut sebagai telah dipaksa berhenti disebabkan keadaan persekitaran yang

tidak selamat seperti dalam kes antara *Freescale Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd. v Edwin Michael Jalleh & Anor*.<sup>48</sup>

Usaha untuk melindungi pekerja daripada pelbagai ancaman di tempat kerja turut diperuntukkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Seksyen 15(1) dalam Akta ini menyatakan:<sup>49</sup>

- (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya.
- (2)(e) pengadaan dan penyenggaraan persekitaran pekerjaan bagi pekerja-pekerjanya yang, setakat yang praktik, selamat, tanpa risiko kepada kesihatan, dan memadai berkenaan dengan kemudahan bagi kebajikan mereka yang sedang bekerja.

Frasa 'setakat yang praktik' dalam Akta ini memberi pengertian yang luas dan tidak membayangkan satu bentuk mekanisme penghalang kepada perlakuan gangguan seksual di tempat kerja. Adakah memadai sekadar menampal notis amaran bertujuan atau melarang sebarang bentuk perlakuan gangguan seksual? Walhal Mahkamah Persekutuan menyatakan majikan bertanggungjawab secara kontrak untuk menyediakan persekitaran yang selamat kepada semua pekerja termasuk wanita.

Di samping itu, undang-undang tort boleh digunakan sebagai mekanisme perlindungan oleh orang awam termasuk pekerja daripada menanggung kerugian, kerosakan dan kecederaan akibat gangguan seksual. Undang-undang tort juga membolehkan mangsa membuat tuntutan sekiranya diganggu secara lisan seperti kes antara *Loganathan Maniam v Murphy Sarawak Oil Co Ltd*<sup>50</sup>. Mahkamah Perindustrian mendapati wujud pembuktian yang nyata bahawa pemangsa telah melakukan gangguan seksual terhadap setiausahanya. Mengikuti *Donovan & Ho*, antara lain Mahkamah mendapati:

---

48 [2013] 4 ILR 237; Lihat H.A. Wahab dan M. Hassan, *Undang-undang dan Tadbir Urus Sumber Manusia* (Kedah, UUM Press, 2016) 87.

49 Lihat <<http://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/acts-legislation/3773-akta-keselamatan-dan-kesihatan-pekerjaan-1994-akta-514/file>> dicapai 6 Disember 2020.

50 [2020] 2 ILR 275; Lihat <<http://dnh.com.my/case-spotlight-non-physical-sexual-harassment/>> dicapai 6 Disember 2020.

*The Claimant had therefore committed unnecessary acts that were unacceptable, given the position he was holding, and considering the culture and background of his colleagues. His actions showed a lack of decorum as a superior and was abusive in nature.*

Keputusan yang dibuat oleh Mahkamah ini jelas sekali menunjukkan bahawa gangguan seksual ialah satu kesalahan yang tidak boleh diterima oleh sistem sosial kerana menghalang kemajuan diri individu untuk berperanan secara efektif bagi mempertingkatkan kemajuan diri.

Dalam perkembangan terkini, kerajaan sedang giat memperkemas penggubalan draf rang undang-undang gangguan seksual sebagai pelengkap kepada perundangan sedia ada dan pekeliling serta arahan pentadbiran yang diguna pakai pada masa ini.<sup>51</sup> RUU ini mestilah berfungsi sebagai mekanisme perundangan yang kukuh dan bersifat menolak sebarang keinginan yang boleh mendorong kepada perlakuan berunsur gangguan seksual. Berdasarkan perancangan asal, draf rang undang-undang gangguan seksual dicadang dibentangkan di Parlimen pada sekitar Mac 2020. Walau bagaimanapun, mengambil kira perubahan yang berlaku dalam tampuk pemerintahan negara, cadangan penggubalan RUU ini dijangka dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas 2020. Namun begitu, pembentangan RUU ini masih belum dapat direalisasikan kerana tempoh mesyuarat terpaksa disingkatkan berikutan penularan pandemik COVID-19 di negara ini berada pada tahap kritikal.

## **Tinjauan kedudukan perundangan berkaitan gangguan seksual di negara luar**

Mahkamah Agung Amerika Syarikat mengiktiraf gangguan seksual sebagai satu bentuk diskriminasi seks yang salah mengikut perspektif undang-undang berlandaskan Perkara VII, Akta Hak-hak Sivil, 1964<sup>52</sup>. Seterusnya, *The Equal Employment Opportunity Commission* (EOC) di

---

51 Pemberitahuan Pertanyaan Jawab Bukan Lisan, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas Dewan Rakyat, Soalan No. 520 <<https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/Telah%20dikemaskini%20pada%209%20September%202020.pdf>>.

52 R.A. Rahim, 'Fenomena Gangguan Seksual Terhadap Pekerja Wanita dalam Organisasi: Suatu Implikasi dalam Perundangan Malaysia' (2008) 12 *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 144 <<http://ejournal.ukm.my/juum/article/view/7547/3067>> dicapai 7 Disember 2020.

Amerika Syarikat menggariskan panduan untuk menentukan bahawa gangguan seksual telah berlaku sekiranya<sup>53</sup>:

- i. Perlakuan yang diminta itu, sama ada secara terbuka atau tertutup telah berlaku sebagai satu syarat atau terma kepada pekerjaannya;
- ii. Persetujuan atau penolakan oleh individu itu dijadikan asas bagi menentukan keputusan terhadap pekerjaannya dan kesan kepada individu itu sendiri; dan
- iii. Perlakuan itu bertujuan atau memberi kesan yang mengganggu secara munasabah terhadap prestasi kerja individu atau membentuk persekitaran kerja yang mengganggu, menimbulkan kegusaran atau menghina.

Pada umumnya, kebanyakan negara luar telah lama mengiktiraf gangguan seksual sebagai kesalahan jenayah yang perlu diberi hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan serta trauma yang dihadapi mangsa. Di peringkat negara-negara Komanwel, sebarang perlakuan bersifat membuli dianggap sebagai telah melakukan kesalahan di bawah undang-undang *Sex Discrimination Act 1984*,<sup>54</sup> *Disability Discrimination Act 1992*,<sup>55</sup> *Racial Discrimination Act 1975*<sup>56</sup> dan *Age Discrimination Act 2004*.<sup>57</sup> Di Australia umpamanya, seorang bekas pekerja telah mengemukakan saman terhadap *Oracle Corporation Australia* atas pertuduhan diskriminasi, gangguan seksual, pelanggaran kontrak kerja dan beberapa lagi pertuduhan lain. Dalam kes antara *Richardson v. Oracle Corporation Australia Pty Ltd*<sup>58</sup> ini, Mahkamah Persekutuan Australia telah memutuskan:

*the general of general damages in respect of pain and suffering and loss of enjoyment of life caused by sex discrimination has scarcely altered since 2000 and does not reflect the shift in the community's estimation of the value to be placed on these matters. The range has remained unchanged, notwithstanding that the community has generally gained a deeper appreciation of the experience of hurt and humiliation that victims of sexual harassment experience and*

53 *ibid.* 160.

54 Lihat <<http://www.legislation.gov.au/Details/C2014C00002>> dicapai 5 Disember 2020.

55 Lihat <<http://www.legislation.gov.au/Details/C2016C00763>> dicapai 5 Disember 2020.

56 Lihat <<http://www.legislation.gov.au/Details/C2016C00089>> dicapai 5 Disember 2020.

57 Lihat <<http://www.legislation.gov.au/Details/C2017C00341>> dicapai 5 Disember 2020.

58 Lihat <<http://ballawyers.com.au/wp-content/uploads/Bradley-Allen-Love-Ethos-233-September-2014-Damages-for-sexual-harassment.pdf>> dicapai 5 Disember 2020.

*the value of loss of enjoyment of life occasioned by mental illness or distress caused by such conduct.*

Richardson telah memenangi kes ini dan diberi ganti rugi sebanyak \$130,000 (termasuk \$100,000 ganti rugi umum) atas trauma yang ditanggungnya. Pengiktirafan Mahkamah terhadap kes yang dikemukakan oleh Richardson ini telah mengubah landskap perundangan Australia dalam menangani kes-kes gangguan seksual. Hal ini jelas apabila mahkamah bukan sahaja mempertimbangkan kesan trauma yang ditanggung Richardson pada masa itu, malah penganugerahan pampasan terhadapnya turut mengambil kira kesan trauma sepanjang hayat akibat tekanan perasaan dan pengalaman perit yang dialaminya. Keputusan mahkamah Australia ini mencetuskan pemikiran baharu dalam kalangan mangsa gangguan seksual yang selama ini bersikap mendiamkan diri kerana pampasan yang diterima tidak setimpal dengan kesan trauma yang ditanggung mangsa. Pembelaan melalui perspektif undang-undang terhadap Richardson membuka ruang kepada lebih ramai lagi mangsa gangguan seksual di negara itu untuk tampil membuat laporan.

Dalam konteks negara India pula, gangguan seksual di tempat kerja dianggap sebagai telah mencabuli hak wanita untuk mendapat kesamarataan dan kebebasan hidup. Peruntukan ini dinyatakan dengan jelas dalam *Sexual Harassment of Women at Workplace (Prevention, Prohibition and Redressal) Act, 2013*. Menurut Akta ini, gangguan seksual menyebabkan persekitaran kerja menjadi tidak selamat dan mengekang wanita untuk bekerja dengan produktif. Situasi ini bukan sahaja menghalang perkembangan sosial dan ekonomi wanita, malahan turut mengekang pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 terutamanya Matlamat 5 dan Matlamat 10<sup>59</sup> yang menekankan kesaksamaan gender dan mengurangkan ketidaksamarataan. Malahan, konsep kesamarataan turut dimasukkan dalam Artikel 14 dan 15 dalam Perlembagaan India<sup>60</sup> yang melarang diskriminasi dalam konteks agama, bangsa, jantina atau tempat kelahiran atau yang mana-mana satu antaranya. Peruntukan ini juga dilihat bersesuaian dengan Artikel 11 dalam *Convention on Elimination of All Forms of Discrimination against*

---

59 Dasar Keterangan Gender Kerajaan Negeri Pulau Pinang <<http://pwdc.org.my/wp-content/uploads/2019/08/GI-Booklet-BM-Version.pdf>> dicapai 7 Disember 2020.

60 Lihat <[http://www.india.gov.in/sites/upload\\_files/npi/files/coi\\_part\\_full.pdf](http://www.india.gov.in/sites/upload_files/npi/files/coi_part_full.pdf)> dicapai 7 Disember 2020.

*Women* (CEDAW)<sup>61</sup> yang disertai Malaysia pada tahun 1995. CEDAW menetapkan setiap negara ahli hendaklah menghalang sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita terutamanya di tempat kerja.

Bersesuaian dengan ketetapan CEDAW ini, *General Recommendation No.19* (1992)<sup>62</sup> yang dikemukakan *United Nations* menekankan kesamarataan hak terhadap wanita dalam bidang pekerjaan akan terhalang sekiranya keganasan mengikut gender seperti gangguan seksual di tempat kerja tidak dihapuskan. Dalam pada itu, gangguan seksual turut diklasifikasikan sebagai satu perbuatan yang menyalahi undang-undang di Singapura apabila negara itu memperkenalkan *Protection from Harassment Act*<sup>63</sup> pada 15 November 2014. Secara umumnya, negara-negara luar telah lama menggubal akta khusus untuk menangani kes-kes gangguan seksual. Antaranya ialah *Anti-Sexual Harassment Act 1995*<sup>64</sup> (Filipina), *Labour Code*<sup>65</sup> (Perancis), *Criminal Code*<sup>66</sup> (Russia), *Sex Discrimination Act 1975*<sup>67</sup> (United Kingdom), dan *Protection against Harassment of Women at the Workplace Act 2010* (Pakistan).<sup>68</sup>

Melihat kepada ketersediaan negara-negara luar serta beberapa negara jiran seperti Singapura dan Filipina dalam menangani jenayah gangguan seksual, Malaysia juga perlu mengorak langkah mengikut laluan yang sama. Dengan kata lain, sudah tiba masanya bagi Malaysia untuk menambah baik kerangka perundangan sedia ada dengan memperkenalkan sebuah akta khusus yang dapat memberi perlindungan dan remedi kepada mangsa gangguan seksual. Di samping itu, sebagai tambahan kepada kerangka perundangan yang diguna pakai, adalah wajar sekiranya sebuah tribunal khas ditubuhkan di negara ini untuk mendengar dan menangani kes-kes berkaitan gangguan seksual.

61 Lihat <<http://www.un.org/womenwatch/daw/cedaw/text/econvention.htm>> dicapai 7 Disember 2020.

62 Lihat <<http://www.ohchr.org/EN/HRBodies/CEDAW/Pages/Recommendations.aspx>> dicapai 7 Disember 2020.

63 Lihat <<http://sso.agc.gov.sg/Act/PHA2014?ProvIds=pr3->>> dicapai 7 Disember 2020.

64 Lihat <[http://www.ombudsman.gov.ph/GAD/Laws%20and%20Mandates/republic\\_act\\_7877.pdf](http://www.ombudsman.gov.ph/GAD/Laws%20and%20Mandates/republic_act_7877.pdf)> dicapai 7 Disember 2020.

65 Lihat <[http://knowledge.leglobal.org/wp-content/uploads/sites/2/LEGlobal-Employment-Law-Overview\\_France\\_2019-2020.pdf](http://knowledge.leglobal.org/wp-content/uploads/sites/2/LEGlobal-Employment-Law-Overview_France_2019-2020.pdf)> dicapai 7 Disember 2020.

66 Lihat <<http://www.wipo.int/edocs/lexdocs/laws/en/ru/ru080en.pdf>> dicapai 7 Disember 2020.

67 Lihat <[http://www.legislation.gov.uk/ukpga/1975/65/pdfs/ukpga\\_19750065\\_en.pdf](http://www.legislation.gov.uk/ukpga/1975/65/pdfs/ukpga_19750065_en.pdf)> dicapai 7 Disember 2020.

68 S. Buang, 'Time for a sexual harassment act?' *New Straits Times* (Kuala Lumpur, 13 Julai 2017) <<http://www.nst.com.my/opinion/columnists/2017/07/256939/time-sexual-harassment-act>> dicapai 7 Disember 2020.

## Peranan Parlimen dalam pengubalan rang undang-undang gangguan seksual

Ahli-ahli Parlimen memikul tanggungjawab besar untuk terus membangkitkan isu-isu berkaitan gangguan seksual dan menggesa supaya rang undang-undang gangguan seksual dibentangkan dengan kadar segera. Parlimen sebagai cabang kerajaan yang bebas dan berautonomi ialah landasan terbaik bagi Ahli-ahli Parlimen untuk menyampai dan memperdengarkan segala keluh-kesah rakyat yang sekian lama menantikan sebuah undang-undang yang benar-benar dapat memberi perlindungan kepada mereka daripada perlakuan gangguan seksual. Tambahan pula, Perkara 8(2) dalam Perlembagaan Persekutuan melarang sama sekali sebarang bentuk diskriminasi berasaskan gender. Manakala Perkara 5(1) dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa seseorang tidak boleh dinafikan kebebasan diri dan diambil nyawanya kecuali mengikut undang-undang. Hak untuk mendapat kebebasan diri ini terpakai dalam kes antara *Hong Leong Equipment Sdn. Bhd. v Liew Fook Chuan*<sup>69</sup>, di mana hakim mentafsirkan 'live' sebagai meliputi 'livelihood'. Oleh itu, mangsa gangguan seksual boleh mendakwa bahawa haknya terhadap kehidupan akan terkesan sekiranya berada dalam persekitaran yang toleran kepada gangguan seksual.

Sementara itu, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak atau kuasa perundangan ke atas Parlimen melalui Perkara 44 yang berbunyi:

Kuasa perundangan Persekutuan hendaklah terletak hak pada Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat.<sup>70</sup>

Parlimen Malaysia ialah lambang kepada keutuhan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.<sup>71</sup> Selaku penjaga utama kepada keluhuran Perlembagaan, Ahli Parlimen memainkan peranan penting dalam memastikan rang undang-undang gangguan seksual yang dibentangkan bukan sahaja memberi definisi yang jelas berkaitan perlakuan gangguan seksual, malah bersifat holistik dan berkesan. Pada masa yang sama, Ahli-ahli Parlimen tidak boleh menyokong, memberi undi dan meluluskan mana-mana RUU yang tidak

---

69 Lihat *Hong Leong Equipment Sdn. Bhd.* [1997] 1 MLJ 481, 521.

70 Perlembagaan Persekutuan, per 44.

71 Lihat <<http://www.parlimen.gov.my/pengenalannya.html?view=235&uweb=web&>> dicapai 30 November 2020.



bertepatan dengan hala tuju dan aspirasi negara.<sup>72</sup> Justeru, Parlimen perlu menyediakan ruang dan peluang yang sebaiknya kepada Ahli-ahli Parlimen untuk menyemak imbangan status serta kerangka pengubalan rang undang-undang gangguan seksual. Dalam konteks ini, Ahli-ahli Parlimen boleh memilih mana-mana mekanisme untuk menyemak imbangan peranan badan eksekutif dalam menangani isu gangguan seksual. Antaranya adalah dengan cara mengemukakan soalan-soalan berkaitan gangguan seksual melalui Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri (MQT), Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawapan Lisan oleh Menteri-menteri (QMA), Pertanyaan-pertanyaan Bukan Lisan, Kamar Khas, Usul, Jawatankuasa Pilihan dan Risalat yang dibawa masuk ke dalam Dewan.

Hasil daripada penelitian yang dilakukan ke atas maklumat yang terkandung dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Mesyuarat Pertama, Mesyuarat Kedua dan Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga bagi Parlimen Keempat Belas, soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan di antara 18 Mei hingga 3 Disember 2020 adalah seperti berikut:

### Jadual 2. Pertanyaan-pertanyaan Berkaitan Isu Gangguan Seksual

Bil.	Tarikh	No. Soalan	Jenis Pertanyaan	Ahli Dewan
1.	21/07/2020	12	QMA	Ahli Parlimen Pandan
2.	21/07/2020	47	QMA	Ahli Parlimen Batu Kawan
3.	18/08/2020	12	QMA	Ahli Parlimen Merbok
4.	18/08/2020	37	QMA	Ahli Parlimen Segambut
5.	26/08/2020	47	QMA	Ahli Parlimen Permatang Pauh
6.	13 Julai – 27 Ogos, 2020	190	Bukan Lisan	Ahli Parlimen Batu Kawan
7.	13 Julai – 27 Ogos, 2020	225	Bukan Lisan	Ahli Parlimen Batu Sapi
8.	13 Julai – 27 Ogos, 2020	520	Bukan Lisan	Ahli Parlimen Pandan
9.	21/09/2020	38	QMA	Senator Tuan Ismail Yusop

Sumber: Parlimen Malaysia

72 *ibid.*

Berdasarkan statistik di atas, bagi tempoh 59 hari Mesyuarat berlangsung (sehingga 3 Disember 2020), hanya sembilan soalan berkaitan gangguan seksual dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen, iaitu lapan soalan dikemukakan oleh Ahli Dewan Rakyat dan satu soalan oleh Ahli Dewan Negara. Secara keseluruhannya, sehingga 3 Disember 2020, hanya 15.25% soalan berkaitan gangguan seksual dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara di sepanjang sesi Mesyuarat Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas (2020). Jumlah ini adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan komposisi Ahli Dewan Rakyat (222 orang) dan Ahli Dewan Negara (66 orang). Secara tidak langsung, statistik ini menunjukkan bahawa isu gangguan seksual kurang mendapat perhatian Ahli-ahli Dewan. Dari perspektif yang berbeza, hal ini juga disebabkan waktu Mesyuarat terpaksa disingkatkan berikutan kebimbangan pihak pentadbiran Parlimen dan Kementerian Kesihatan Malaysia akan kewujudan kluster baru wabak COVID-19 dalam kalangan kakitangan Parlimen, Ahli-ahli Parlimen, pengamal media, pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain pihak yang terlibat dengan urusan Mesyuarat Parlimen. *Standard Operating Procedure* (SOP) ini dibuat dengan mengambil kira amalan-amalan terbaik yang diguna pakai oleh negara-negara luar seperti Australia dan United Kingdom. Atas dasar itu, Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) hanya berlangsung selama satu hari sahaja iaitu pada 18 Mei 2020. Secara khususnya, Mesyuarat ini dilangsungkan untuk memberi laluan kepada pendengaran Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI.

Di samping itu, statistik ini juga menunjukkan hanya dua soalan berkaitan gangguan seksual yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen lelaki. Soalan tersebut dikemukakan dalam sesi Pertanyaan-pertanyaan Bukan Lisan (13 Julai – 27 Ogos 2020) oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong dan soalan nombor lapan bagi sesi Pertanyaan-pertanyaan Lisan oleh Senator Tuan Ismail Yusop. Hal ini membuktikan bahawa terdapat keperluan untuk mengurusperdanakan wanita dalam bidang politik. Pada masa ini, representasi wanita dalam bidang politik di negara ini adalah pada kadar 14.9% sahaja. Nyata sekali, masih banyak usaha perlu dilakukan untuk mengurusperdanakan penyertaan wanita dalam bidang politik agar mencapai tahap 30%. Antaranya adalah dengan memperuntukkan secara mandatori sebanyak 30% pencalonan buat wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-15 nanti. Usaha ini adalah sangat kritikal memandangkan 15.7 juta daripada keseluruhan (32.5 juta) penduduk Malaysia ialah wanita.

Selain itu, peranan yang dimainkan oleh Ahli Parlimen dalam Jawatankuasa Pilihan Khas juga menentukan kecenderungan Ahli Parlimen terhadap isu yang dibangkitkan di dalam Dewan. Umpamanya, Ahli Parlimen Batu Kawan ialah satu daripada tujuh (7) Ahli Dewan yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Kesaksamaan Gender dan Pembangunan Keluarga yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Merbok. Peraturan Mesyuarat 81 dalam Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik dengan perintah Majlis dan tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 81(1).<sup>73</sup> Secara khususnya, jawatankuasa ini ditubuhkan dengan tujuan:

- i) untuk meneliti perkara berkaitan tindak balas Kerajaan terhadap penghakiman mahkamah mengenai kesaksamaan gender dan pembangunan keluarga, dan
- ii) untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan kesaksamaan gender dan pembangunan keluarga.

Bersesuaian dengan tujuan penubuhan Jawatankuasa ini, pelbagai isu berkaitan gender yang antara lainnya turut menyentuh isu gangguan seksual sering dibangkitkan dalam mesyuarat di peringkat Jawatankuasa. Malahan, wakil-wakil badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Joint Action Group for Gender Equality* (JAG), *Sisters in Islam* (SIS) dan juga SUHAKAM turut dijemput untuk memberi pandangan dan berkongsi maklumat. Selain Ahli Parlimen Batu Kawan, pengalaman mempengerusikan Jawatankuasa Pilihan Khas ini turut mendorong Ahli Parlimen Merbok, untuk mengemukakan soalan mengenai isu gangguan seksual dengan meminta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyatakan secara terperinci perkembangan terkini berkenaan penggubalan RUU Gangguan Seksual. Selain keanggotaan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas, jawatan yang pernah disandang oleh Ahli Parlimen turut mempengaruhi kecenderungan Ahli Parlimen dalam membangkitkan isu berkaitan gangguan seksual di peringkat Mesyuarat Dewan. Kedua-dua Ahli Parlimen yang pernah menjawat jawatan Menteri dan Timbalan Menteri kepada KPWKM, iaitu Ahli Parlimen Pandan dan

---

73 Jawatankuasa Dewan (DR 2018-2023, DR.6/2019).

Ahli Parlimen Segambut turut mengemukakan pertanyaan mengenai gangguan seksual pada waktu Pertanyaan-pertanyaan Lisan dalam sidang Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.

Sementara itu, pernyataan seksis sama ada diungkap secara lisan atau menggunakan bahasa isyarat oleh Ahli Parlimen semasa perbahasan boleh dikategorikan sebagai satu bentuk gangguan seksual kepada Ahli Dewan yang lain. Umum sedia maklum bahawa sidang Mesyuarat Parlimen sering digemparkan dengan pelbagai pernyataan seksis oleh Ahli-ahli Parlimen seperti 'siling bocor', 'pondan', 'gelap' dan berbagai lagi istilah yang mendapat penentangan Ahli Dewan. Malahan terdapat juga sesetengah Ahli Parlimen yang menggunakan bahasa isyarat tertentu sehingga dianggap sebagai '*unparliamentary*' kerana mempamerkan perlakuan yang tidak boleh diterima oleh Ahli Dewan yang lain. Menurut KSM, perlakuan yang kurang disenangi melalui kata-kata, isyarat, sentuhan, psikologi dan visual yang berunsur seks yang biasanya dilakukan berulang-ulang dikategorikan sebagai gangguan seksual. Oleh itu, bagi mengharmonikan suasana Dewan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (ketika itu), Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, telah mengemukakan Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat (Kertas Dewan Rakyat DR 4 Tahun 2012) untuk meminda Peraturan Mesyuarat 20(1) dan Peraturan Mesyuarat 36(4). Peraturan Mesyuarat 20(1) dipinda untuk memasukkan 'risalat' hendaklah dalam bentuk cetak, elektronik atau apa-apa rupa cara yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Manakala Peraturan Mesyuarat 36(4) dipinda untuk memasukkan selepas perkataan 'biadab' perkataan 'atau membuat pernyataan seksis'. Pindaan ini dibuat untuk memberi peruntukan secara khusus bahawa seseorang Ahli dilarang daripada mengeluarkan apa-apa pernyataan berbentuk seksis.<sup>74</sup> Ketika membahaskan pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat ini, Ahli Parlimen Rantau Panjang menyebut:

Ini adalah satu perkara yang saya kira bertepatan sebab dalam kita memberi sumbangan kepada pembangunan negara tidak mengira masalah gender, yang paling penting ialah bagaimana kita memberi sumbangan yang terbaik dan seharusnya masalah seksis ini tidak menjadi suatu perkara yang menjadi amalan kita sebagai Ahli Dewan.

Dalam pada itu, Yang di-Pertua Dewan Rakyat (YPDR), Datuk Azhar Azizan Harun telah membuat pemasyhuran mengenai penggunaan

---

74 DR Deb 27 November 2012, Bil. 68, 18.

perkataan-perkataan berbentuk hasutan, rasis, biadab dan seksis pada 21 Julai 2020 yang antara lain berbunyi:<sup>75</sup>

Oleh itu, saya dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua, akan mengambil tindakan berlandaskan peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat sekiranya perkataan-perkataan yang dimaksudkan tadi masih disebut selepas ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Usul ini dibentang setelah perbincangan dibuat bersama Ketua-ketua Whip parti yang dihadiri oleh Ahli Parlimen Gombak sebagai Ketua Whip Kerajaan, Ahli Parlimen Bagan Datuk mewakili Barisan Nasional, Ahli Parlimen Larut mewakili BERSATU, Ahli Parlimen Kota Bharu mewakili PAS, Ahli Parlimen Petrajaya mewakili GPS, Ahli Parlimen Sungai Petani mewakili PKR, Ahli Parlimen Lanang mewakili DAP, Ahli Parlimen Hulu Langat mewakili AMANAH, Ahli Parlimen Papar mewakili WARISAN, Ahli Parlimen Simpang Renggam mewakili BEBAS dan Ahli Parlimen Arau sebagai Pengerusi *Backbenchers*. Hasil daripada perbincangan yang dilakukan, Ketua-ketua Whip sebulat suara bersetuju untuk memperbaharui komitmen mereka dalam mempertahankan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dan memastikan perkataan berbaur hasutan, rasis, biadab dan seksis hendaklah tidak digunakan oleh Ahli-ahli Parlimen. YPDR juga menyeru Ahli-ahli Parlimen untuk berbahas dalam ketertiban dan adab susila yang sopan untuk memelihara kesucian Dewan.

Komitmen Ahli-ahli Parlimen untuk mengguna pakai usul yang dikemukakan YPDR ini adalah sangat kritikal kerana setiap pertuturan dan perlakuan Ahli-ahli Parlimen menjadi ikutan rakyat hingga ke peringkat akar umbi. Malahan, sewaktu merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Majlis Parlimen Keempat Belas, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bertitah 'Sebagai seorang pemimpin, Ahli-ahli Yang Berhormat menjadi teladan dalam menyemai nilai-nilai positif kepada rakyat'.<sup>76</sup> Justeru, Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan penting dalam menyalurkan mesej yang tepat mengenai gangguan seksual kepada setiap lapisan masyarakat. Rakyat sememangnya menaruh harapan yang tinggi terhadap Ahli-ahli Parlimen, terutamanya dalam menyuara dan memperjuangkan segala

---

75 DR Deb 21 Julai 2020, Bil. 7.

76 DR Deb 18 Mei 2020, Bil. 1, 5.

kesulitan yang dihadapi mereka, ekoran peningkatan kes gangguan seksual dalam tempoh pandemik COVID-19. Menurut *The All Women's Action Society* (AWAM), 18.5% daripada panggilan yang diterima ialah berkaitan kes gangguan seksual dan kebanyakannya dilakukan melalui akaun media sosial tanpa nama dengan membuat komen berbaur seksis, lelucon atau gangguan secara terang-terangan.<sup>77</sup>

Selain itu, Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dikemukakan ke dalam Dewan sebagai risalat rujukan Ahli-ahli Parlimen pada 4 November 2020. Sejak penubuhan SUHAKAM pada tahun 1999, usaha untuk membentangkan laporan tahunan SUHAKAM ke Dewan Rakyat akhirnya direalisasikan pada 5 Disember 2019. Penerimaan Parlimen untuk membahaskan laporan tahunan ini mempamerkan kesediaan Kerajaan bagi mendengar dan membincangkan perkara-perkara yang menyentuh hak asasi manusia di negara ini. Selain daripada menyokong usaha-usaha reformasi kerajaan, SUHAKAM turut terlibat dalam merangka dan menggubal RUU gangguan seksual. Komitmen SUHAKAM ini dinyatakan dengan jelas dalam laporan tahunannya yang berbunyi:<sup>78</sup>

*The participants said that many sexual harassment cases, particularly those occurring in the workplace, were unreported because victims did not understand what constitutes sexual harassment. They were also fearful of repercussions from the perpetrator or their employer.*

Jelas sekali, sebagai satu cabang kerajaan, fungsi Parlimen harus bersifat dinamik dalam membantu Ahli-ahli Parlimen melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka. Parlimen harus memastikan agar Ahli-ahli Parlimen mendapat akses kepada sumber yang lengkap, terkini dan autentik. Usaha ini akan dapat memperkasa kredibiliti Ahli-ahli Parlimen dalam memainkan peranan semak dan imbang terhadap keberkesanan agensi kerajaan dan juga kementerian yang menerajui penggubalan rang undang-undang gangguan seksual ini.

## Penutup

Sebagai sebuah institusi perundangan terulung negara, Parlimen memainkan peranan penting dalam menggubal dan meluluskan undang-

---

77 Lihat <<http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2020/05/25/ngo-dakwa-pkp-punca-kes-gangguan-seksual-online-melonjak/>> dicapai 19 Februari 2021.

78 SUHAKAM, *Laporan Tahunan SUHAKAM 2019* (SUHAKAM 2020) <<http://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2020-11-04/ST.88.2020%20-%20ST%2088.2020.pdf>> dicapai 5 Disember 2020.

undang negara serta memastikan suara rakyat diwakili dengan penuh wibawa dan akauntabiliti. Oleh yang demikian, Parlimen hendaklah memastikan pembentangan rang undang-undang gangguan seksual dibentang mengikut perancangan yang ditetapkan. Mekanisme-mekanisme semak dan imbang seperti Waktu Pertanyaan Menteri, soalan bertulis kepada kerajaan dan sesi libat urus jawatankuasa hendaklah dipergunakan sepenuhnya oleh Ahli-ahli Parlimen untuk mengenal pasti status dan kekangan yang merencatkan pembentangan RUU ini. Seharusnya, Jawatankuasa Pilihan Khas diberi kuasa memanggil wakil-wakil kerajaan untuk tampil memberi penjelasan dan berkongsi maklumat yang lebih komprehensif agar dapat mempertingkatkan perasaan kebertanggungjawaban di setiap peringkat kepimpinan.

Pada masa yang sama, wanita perlu diberi lebih ruang untuk menyuarakan aspirasi mereka dalam sesi Mesyuarat Dewan supaya isu-isu berkaitan wanita menjadi sebahagian daripada dasar dan pelan pembangunan negara. Selain wanita, Ahli-ahli Parlimen lelaki perlu turut berperanan untuk menyuarakan isu-isu gangguan seksual di peringkat Mesyuarat Dewan. Selain mengiktiraf sumbangan wanita dalam arus pembangunan negara, keterlibatan Ahli Parlimen lelaki dalam mengangkat isu-isu berkaitan gender, pastinya dapat membudaya dan mempromosikan Parlimen Malaysia sebagai sebuah institusi yang sensitif gender di persada antarabangsa. Di samping itu, adalah wajar sekiranya Kumpulan Parlimen Rentas Parti (*All Party Parliamentary Group-APPGM*) berkaitan wanita dibentuk di Parlimen Malaysia bagi meneruskan peranan yang dimainkan oleh kaukus wanita. Usaha ini bukan sahaja dapat memperkasa suara wanita dalam pelbagai arena, malah membantu merapatkan Indeks Jurang Gender Malaysia yang ketika ini masih belum mencapai tahap memuaskan.

Secara tuntasnya, adalah wajar bagi Kerajaan untuk menggubal sebuah akta yang lengkap dan kemas bagi menangani jenayah gangguan seksual di negara ini agar dapat memberi perlindungan secara total kepada mangsa. Akta ini perlu memberi definisi gangguan seksual yang jelas, dengan mengadaptasi perspektif dan budaya masyarakat Malaysia terutamanya dari sudut perundangan, ekonomi, psikologi dan sosial. Akta yang digubal juga perlu mempunyai mekanisme akauntabiliti yang kukuh, dengan mengambil kira penubuhan tribunal bebas untuk mendengar dan menangani kes gangguan seksual secara lebih holistik. Pelaksanaan undang-undang ini nanti, pastinya akan menjadikan masyarakat berasa lebih selamat dan dilindungi, baik ketika berada di tempat kerja mahupun di persekitaran awam.



## Rujukan

- 'Jenayah pedofilia makin membimbangkan' *Sinar Harian* (8 April 2019) <<https://www.sinarharian.com.my/article/22332/SIASAT/Jenayah-pedofilia-makin-membimbangkan>>.
- Adimula, A. and Niyi-Gafar, O.L., 'A Legal Discourse on the Role of Women in Human Rights Violation' (2019) 1(1) *Criminal Law Journal*.
- Age Discrimination Act 2004 <<https://www.legislation.gov.au/Details/C2017C00341>>.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 <<https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/akta/3773-akta-keselamatan-dan-kesihatan-pekerjaan-1994-akta-514/file>>.
- Akta Perhubungan Perusahaan 1967 <[http://www.mp.gov.my/acts/Industrial\\_Relations\\_Act\\_1967\\_As\\_At\\_1\\_October\\_2015.pdf](http://www.mp.gov.my/acts/Industrial_Relations_Act_1967_As_At_1_October_2015.pdf)>.
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 <[http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20560%20-%20Akta%20Prosedur%20Jenayah%20Syariah%20\(Wilayah-Wilayah%20Persekutuan\)%201997.pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20560%20-%20Akta%20Prosedur%20Jenayah%20Syariah%20(Wilayah-Wilayah%20Persekutuan)%201997.pdf)>.
- Aziz S.A., 'Peranan Ahli Parlimen dan Sifat Ketertinggian Perlembagaan' (*IKIM*, 5 Oktober 2015) <<http://www.ikim.gov.my/index.php/2015/10/05/peranan-ahli-parlimen-dan-sifat-ketertinggian-perlembagaan/>>.
- \_\_\_ 'Peranan Wakil Rakyat' (*IKIM*, 23 Jun 2015) <<http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2015/06/23/peranan-wakil-rakyat/>>.
- Bhatt J.K., 'A Review of the Amendments Under the Employment Act 1955 with Respect To Sexual Harassment at the Workplace' (2015) 1(I) *LNS(A)*.
- \_\_\_ 'Commentary: Landmark Award of Compensatory for Sexual Harassment at the Workplace – Harass and Employers Beware!' (2016) 3 *Industrial Law Reports*.
- Brahim, M. dan lain-lain, 'Peranan Wakil Rakyat Dalam Parti Politik: Isu dan Cabaran' (2013) 40(1) *Malaysian Journal of History*.

Buang S., 'Time for a sexual harassment act?' *New Straits Times* (Kuala Lumpur, 13 Julai 2017) <<https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2017/07/256939/time-sexual-harassment-act>>.

Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women <<https://www.un.org/womenwatch/daw/cedaw/text/econvention.htm>>.

*Dakwaan gangguan seksual: BFM buang 2 kakitangan.* (7 January, 2019). Diakses melalui Malaysiakini: <<https://www.malaysiakini.com/news/459284>>.

Employment Act 1955 (Revised - 1981) <[https://www.lawnet.com.my/LawLibrary/Details/?id=17486&lawTitle=%20Acts%20Supplement%20\(Updated%20Principal%20Acts\)&libraryId=2&lang=1](https://www.lawnet.com.my/LawLibrary/Details/?id=17486&lawTitle=%20Acts%20Supplement%20(Updated%20Principal%20Acts)&libraryId=2&lang=1)>.

General recommendations <<https://www.ohchr.org/EN/HRBodies/CEDAW/Pages/Recommendations.aspx>>.

Gruber J.E., 'A Typology of Personal and Environmental Sexual Harassment: Research and Policy Implications for the 1990s' (1992) 46(11/12) *Sex Roles*.

Harun R.M., 'Teks Ucapan Menteri' (Majlis Sambutan Hari Wanita dan Kemerdekaan 2020, Putrajaya, 25 Ogos 2020) <[https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan\\_Timb\\_MenteriII/Final%20Teks%20Ucapan%20YBM\\_Sambutan%20Hari%20Wanita%20dan%20Kemerdekaan\\_25%20Ogos%202020%20\(2\).pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan_Timb_MenteriII/Final%20Teks%20Ucapan%20YBM_Sambutan%20Hari%20Wanita%20dan%20Kemerdekaan_25%20Ogos%202020%20(2).pdf)>.

Hashim H., 'Saman gangguan seksual?' *Sinar Harian* (19 November 2019) <<https://www.sinarharian.com.my/article/57923/KOLUMNIS/Saman-gangguan-seksual>>.

Inter-Parliamentary Union, *Guidelines for the elimination of sexism, harassment and violence against women in parliament.* (London, 2019).

Ishak M., 'Trauma gangguan seksual masa lampau lebih teruk' *BH Online* (17 Mac 2020) <<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2020/03/666031/trauma-gangguan-seksual-masa-lampau-lebih-teruk>>.

Jawatankuasa Dewan, *Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (DR 2018-2023, DR.6/2019).

Jothy L.N., 'Sexual Harassment As Discrimination' (2010) 3 *ILR(A)*.

*Kanun Keseksaan* <[http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20141230\\_A1471\\_BM\\_Act%20A1471.pdf](http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20141230_A1471_BM_Act%20A1471.pdf)>.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, *Ringkasan Eksekutif Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020: Keutamaan dan Penekanan Baru* (Kuala Lumpur, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2018).

\_\_\_\_ *Ringkasan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030: Penyusunan Semula Keutamaan Pembangunan Malaysia*. (Kuala Lumpur, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2018).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, *Pemerhatian di atas Cadangan Penggubalan Akta Gangguan Seksual* (2019).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *Dasar Keterangkuman Gender Pulau Pinang* (Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2019).

*Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja* <<https://www.wccpenang.org/01important/laws/Kod-Amalan-Untuk-Mencegah-dan-Membasmi-Gangguan-Seksual-di-Tempat-Kerja.pdf>>.

Krook M.L., 'Westminster too: Addressing Sexual Harassment In Politics' (2018) 89(1) *The Political Quarterly*.

Mallow M.S., 'Lelaki juga boleh menjadi mangsa kepada gangguan seksual' *Astro Awani* (6 Ogos 2019) <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-juga-boleh-jadi-mangsa-kepada-gangguan-seksual-214285>>.

Mazli N.F., 'Jangan Biarkan Penyerang Seksual Terlepas' *WAFIQ* (26 Disember 2018) <<http://wafiq.my/2018/12/26/jangan-biarkan-penyerang-seksual-terlepas/>>.

Mydin N.M.B. dan Sabaruddin J.S., 'Pertanyaan Parlimen: Suatu Analisa Mengenai Pematuhan Peraturan Mesyuarat Oleh Ahli Parlimen' (2018) *Current Law Journal*.

- Pemberitahuan Pertanyaan Jawab Bukan Lisan Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas Dewan Rakyat, Soalan: 190.
- Pemberitahuan Pertanyaan Jawab Bukan Lisan Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas Dewan Rakyat, Soalan: 225.
- Pemberitahuan Pertanyaan Jawab Bukan Lisan Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas Dewan Rakyat, Soalan: 520.
- Pemberitahuan Pertanyaan Jawab Bukan Lisan Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas Dewan Negara, Soalan: 38.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Kedua Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Ketiga bertarikh 27 November 2012.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Ketiga, Mesyuarat Kedua bertarikh 18 Ogos 2020.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Ketiga, Mesyuarat Kedua bertarikh 26 Ogos 2020.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Ketiga, Mesyuarat Kedua bertarikh 21 Julai 2020.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Kesebelas, Penggal Keempat, Mesyuarat Pertama (2007).
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Kesebelas, Penggal Keempat, Mesyuarat Pertama bertarikh 4 November 2015.
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Kuala Lumpur, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 1993).
- Perlembagaan Persekutuan <<https://www.jakess.gov.my/pdf/file/ENAKMEN/Perlembagaan%20Persekutuan%20.pdf>>.
- Protection from Harassment Act <<https://sso.agc.gov.sg/Act/PHA2014?ProvIds=pr3->>>.
- Racial Discrimination Act 1975 <<https://www.legislation.gov.au/Details/C2016C00089>>.
- Rahim R.A., 'Fenomena Gangguan Seksual Terhadap Pekerja Wanita dalam Organisasi: Suatu Implikasi dalam Perundangan Malaysia' (2008) 12 *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*.

- \_\_\_ 'Undang-undang Gangguan seksual di Malaysia: Satu Analisa' (2011) *Current Law Journal*.
- Rahman S. dan Md Pauzi S.F., 'Gangguan Seksual di Tempat Kerja: Tinjauan undang-undang' (2018) 22(00) *Journal for Social Sciences*.
- Razak A., 'Akta Gangguan seksual perlu rangkum kejadian di luar pejabat' *Malaysiakini* (4 Julai 2019) <<https://www.malaysiakini.com/news/482319>>.
- \_\_\_ 'Peguam wanita kongsi senarai rakan-rakan 'gatal'' *Malaysiakini* (1 Julai 2019) <<https://www.malaysiakini.com/news/481875>>.
- Republic Act 7877 <[https://www.ombudsman.gov.ph/GAD/Laws%20and%20Mandates/republic\\_act\\_7877.pdf](https://www.ombudsman.gov.ph/GAD/Laws%20and%20Mandates/republic_act_7877.pdf)>.
- Roycoft, P., 'Wilkinson v. Downtown After Rhodes and Its Future Viability In New Zealand' (2017) 48 *VUWLR* <<http://www.nzlii.org/nz/journals/VUWLawRw/2017/5.pdf>>.
- Sex Discrimination Act 1975 <[https://www.legislation.gov.uk/ukpga/1975/65/pdfs/ukpga\\_19750065\\_en.pdf](https://www.legislation.gov.uk/ukpga/1975/65/pdfs/ukpga_19750065_en.pdf)>.
- Sex Discrimination Act 1984 <<https://www.legislation.gov.au/Details/C2014C00002>>.
- Shuib N.H., 'Mangsa gangguan seksual lelaki jejaskan produktiviti mencari rezeki' *BH Online* (28 Mac 2019) <<https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2019/03/546227/mangsa-gangguan-seksual-lelaki-jejaskan-produktiviti-mencari-rezeki>>.
- SUHAKAM, *Laporan Tahunan SUHAKAM 2019* (SUHAKAM 2020) <<http://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2020-11-04/ST.88.2020%20-%20ST%2088.2020.pdf>>.
- The Constitution of India <[https://www.india.gov.in/sites/upload\\_files/npi/files/coi\\_part\\_full.pdf](https://www.india.gov.in/sites/upload_files/npi/files/coi_part_full.pdf)>.
- The Criminal Code Of The Russian Federation [No. 63-Fz Of June 13, 1996] <<https://www.wipo.int/edocs/lexdocs/laws/en/ru/ru080en.pdf>>.
- Verge T., 'Too Few, Too Little: Parliaments' Response to Sexism and Sexual Harassment' (2020) 0 *Parliamentary Affairs*.

Wilson J. dan lain-lain, 'Employment Law Matters – When is workplace bullying unlawful?' (2010) 1 *LNS(A)*.

Wilson J., 'Damages for Sexual Harassment: New Era?' (*Ethos*, September 2014) <<https://ballawyers.com.au/wp-content/uploads/Bradley-Allen-Love-Ethos-233-September-2014-Damages-for-sexual-harassment.pdf>>.

Zainal H. and Chung C., 'A sex predator is in the house' *The Star* (29 Julai 2018) <<https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/29/a-sex-predator-is-in-the-house-housemen-relate-horror-stories-of-seniors-who-abuse-position>>.